

WARISAN BUGIS DI RUMPUN MELAYU

SIRI PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

سيرة النبوة
عن الصادق عليه السلام
قال من تعلم لغتنا
وتاريخنا وقوانيننا
فاننا نعلم لغتنا
والتاريخ والادب
والقوانين والاعراف
والسنن والآداب
والفنون والاسرار
والعلم والاعمال
والفوائد والآثار
والمنافع والبركات
والسعادات والبهائم
والحوائط والاسرار
والعلم والاعمال
والفوائد والآثار
والمنافع والبركات
والسعادات والبهائم



Penyelenggara
Abdul Latiff Abu Bakar



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
سوربون قندهار سلطان ادریس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

WARISAN BUGIS DI RUMPUN MELAYU

Penyelenggara
Abdul Latiff Abu Bakar



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
لونیورسیتی گندی پدیمن سلطان ادریس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Cetakan Pertama / First Printing, 2014
© Universiti Pendidikan Sultan Idris

Sidang Pengarang

Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff Abu Bakar (Penyelenggara)
Prof. Dr. Nurhayati Rahman (Penilai)
Tuan Haji Samin bin Rabani (Penyunting Luar)
Cik Asiah Abd Rahman (Penyunting Dalam)
Cik Nazeema Mohd Yusof (Pengurusan)

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Peradaban Melayu terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or by any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Institute of Malay Civilization.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by

INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel: 05 4505500 Faks: 05 4595314
Laman Web: www.upsi.edu.my
Emel: pengarah@ipm.upsi.edu.my

Rekabentuk dan dicetak di Malaysia oleh /
Designed and printed in Malaysia by

ARMNET INTEGRATED SDN. BHD. (359306-W)
No. 38, Jalan Pekaka 8/4, Seksyen 8
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: 03 6140 3885 Faks: 03 6140 2925
Emel: armnet_avenue@yahoo.com

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

WARISAN BUGIS DI RUMPUN MELAYU / Penyelenggara Abdul Latiff Abu Bakar

ISBN 978-983-2063-89-6

1. Bugis (Malay people)--History. 2. Ethnology--Malaysia--Social life and customs.
3. Malay Archipelago--History.

I. Abdul Latiff Abu Bakar, Datuk Wira, Dr.
959.5119

KANDUNGAN

| | | |
|--|-----|-----|
| Pengenalan Abdul Latiff Abu Bakar | ... | vii |
| Bentuk dan Motivasi Rantau dalam Budaya Bugis Supratman, SS.MA | ... | 1 |
| Gagah, Gigih dan Megah: Aktiviti Pasampe Bugis di Tanah Rantau Seberang Semenanjung Malaysia Khazin Mohd. Tamrin | ... | 21 |
| Peranan Bugis dalam Kerajaan Johor Riau Pada Abad Ke-18 Haryati Hasan | ... | 51 |
| Diaspora dan Kegiatan Perkapalan dan Perdagangan Orang Bugis di Rumpun Melayu Ahmad Jelani Halimi | ... | 71 |
| Pedagang Bugis dan Kuasa Eropah di Selat Melaka 1500-1800 Sejarah dan Perubahan: Kuasa Eropah dan Dunia Melayu Nordin Hussin | ... | 95 |
| Intelektual Melayu-Bugis dalam Dunia Persuratan Melayu Abdul Malik | ... | 111 |
| Bugis Dalam Tradisi Lisan Melayu Bazrul Bahaman | ... | 135 |
| Salasilah dan Dialek Bugis di Selangor "Kualleangi Tallanga Natowalia" Daftar Kata Dialek Bugis di Selangor Hj. Mohd Rashid Hj. Md Idris | ... | 149 |

INTELEKTUAL MELAYU-BUGIS DALAM DUNIA PERSURATAN MELAYU

Abdul Malik*
Universitas Maritim Raja Ali Haji

Pengenalan

Kesultanan Melayu Melaka memang telah roboh dilanggar oleh Portugis pada tahun 1511. Akan tetapi, Sultan Mahmud Shah I – Sultan terakhir Melaka – tidak pernah berputus asa untuk merebut kembali Melaka daripada penjajah Portugis. Bagi upaya menyelamatkan Kesultanan Melayu Melaka, Baginda mula-mula berundur ke Pahang, terus ke Bintan (sekarang merupakan sebahagian daripada Provinsi Kepulauan Riau, Indonesia) dan mendirikan pusat pentadbiran sementara Kesultanan Melayu Melaka di Bintan¹ dengan daerah takluknya meliputi Inderagiri, Kampar, Rokan,² dan seluruh Kepulauan Riau, termasuk juga Johor, Singapura, Pahang, Terengganu, dan lain-lain di Semenanjung, kecuali Melaka yang telah direbut oleh Portugis. Setelah berperang belasan tahun, Bintan juga diserang dan dihancurkan oleh Portugis pada tahun 1526. Oleh itu, Sultan Mahmud Shah I beredar ke Kampar Riau di daratan Sumatera hinggalah Baginda mangkat di sana (Abdul Malik dkk., 2003:2).

*Datuk Drs. Hj. Abdul Malik, M.Pd. bin Hj. Abdul Muthalib adalah pensyarah dan Dekan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan (FKIP), Universitas Maritim Raja Ali Haji (UMRAH), Tanjungpinang, Kepulauan Riau, Indonesia.

¹Bintan pernah menjadi pusat Kerajaan Melayu dalam kurun ke-13 sebelum dipindahkan ke Temasek (Singapura). Seterusnya, dari Singapura pusat Kesultanan Melayu oleh keturunan Raja Seri Teri Buana (Raja Bintan yang memindahkan pusat kerajaan ke Temasek) pusat pentadbiran kerajaan dipindahkan pula ke Melaka. Dengan itu, pemindahan semula pusat pentadbiran Kesultanan Melayu ke Bintan oleh Sultan Mahmud Shah I merupakan perpindahan kembali ke tempat awal Kesultanan Melayu di Selat Melaka.

²Kesemua kawasan ini berada di dalam Provinsi Riau, Indonesia, sekarang, lain di daratan Pulau Sumatera. Kawasan ini biasa juga disebut Riau Daratan, berbeza dengan Bintan yang terletak di Provinsi Kepulauan Riau.

Setelah ayahandanya mangkat, kepimpinan Kesultanan Melayu diteruskan oleh Sultan Ala'uddin Ri'ayat Shah II ibni Sultan Mahmud Shah I. Baginda mendirikan kesultanan baru dalam 1530 yang pentadbirannya berpusat di Johor. Kerajaan itu masyhur dengan nama Kerajaan Johor-Riau atau lengkapnya Johor-Pahang-Riau-Lingga. Sebagaimana ayahandanya, daripada Johor itu Baginda berkali-kali berupaya merebut kembali Melaka daripada penjajah Portugis. Takdir ternyata menentukan lain, segala upaya Baginda tetap tidak berjaya. Dalam pada itu, pusat pentadbiran Kesultanan Melayu Johor-Pahang-Riau-Lingga sebagai kelanjutan Kesultanan Melaka senantiasa berpindah-pindah daripada kawasan Johor di Semenanjung ke Kepulauan Riau meliputi Sungai Carang atau Hulu Riau (dalam kawasan Tanjungpinang di Pulau Bintan sekarang), Daik (di Pulau Lingga, Kepulauan Riau), dan Pulau Penyengat Indera Sakti, Tanjungpinang. Pindah randah itu dilakukan oleh raja-raja Melayu sebagai strategi melawan penjajah dan musuh sesama kerajaan di Nusantara yang memang sangat bernafsu untuk merebut Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga kerana kedudukan kerajaan ini sangat strategik dan terkenal akan kemakmurannya.

Dalam perkembangan selanjutnya, Laksamana Tun Abdul Jamil, atas titah Sultan Abdul Jalil Syah III, membuka Sungai Carang, Hulu Riau (dalam kawasan Kota Tanjung Pinang di Pulau Bintan, Kepulauan Riau sekarang) dalam tahun 1673 setelah Batu Sawar, Johor Lama, sebagai pusat pentadbiran kesultanan kala itu diserang oleh bala tentera Kerajaan Jambi yang berupaya merebut Kesultanan Johor-Riau. Batu Sawar pun ranaplah oleh serbuan Kerajaan Jambi itu. Tidak diragukan lagi bahawa yang difikirkan oleh Baginda Sultan adalah kawasan itu akan dikembalikan menjadi pusat pentadbiran Kesultanan Melayu yang ternama untuk kembali menjulangkan kejayaan tamadun Melayu setelah robohnya Kesultanan Melaka. Berselang lima tahun kemudian, dalam 1678, Sungai Carang atau Hulu Riau memang dijadikan pusat pentadbiran Kerajaan Riau-Lingga-Johor-Pahang setelah dipindahkan dari Batu Sawar, Johor Lama ke Pulau Riau oleh Sultan Ibrahim Shah, penerus Sultan Abdul Jalil Shah III. Setahun kemudian, tahun 1679, Sultan Ibrahim Shah menitahkan Laksamana Tun Abdul Jamil menuntut balas terhadap Kerajaan Jambi. Jambi pun kalah dan mengaku takluk kepada Kesultanan Riau-Lingga-Johor-

Pahang (Abdul Malik, 2012:18-19).

Pulau Riau adalah pulau kecil yang dipisahkan oleh Sungai Carang, Sungai Terusan, Sungai Ladi, dan Sungai Timun dengan tanah besarnya Pulau Bintan. Dalam kalangan masyarakat tempatan, bandar itu juga biasa disebut Riau Lama, Kota Raja, atau Kota Lama. Penamaan Kota Raja dilakukan sehubungan dengan bandar itu dijadikan tempat kedudukan Sultan Riau-Lingga-Johor-Pahang atau Yang Dipertuan Besar, yang kala itu dijabat oleh Sultan Ibrahim Shah.

Dalam tahun 1683 Sultan Ibrahim memindahkan semula pusat pentadbiran kerajaan ke Johor Lama. Dalam pada itu, empat tahun kemudian misi Belanda di bawah pimpinan William Velentyn berkunjung ke Riau Lama pada 2 Mei 1687. Setelah lebih kurang empat belas tahun dibangun, mereka mendapati Bandar Riau Lama itu berkembang menjadi bandar perniagaan yang sangat maju dan dikunjungi ramai. Orang-orang dari pelbagai penjuru dunia berkunjung ke sana dan mereka kagum akan kepiawaian orang Melayu Kerajaan Riau-Johor dalam mengelola pelabuhan, laut, dan perdagangan. Dalam tahun 1709 Sultan Johor-Riau Abdul Jalil Ri'ayat Syah memindahkan pusat kerajaan ke Sungai Carang, Hulu Riau semula, dalam suatu perpindahan secara besar-besaran.

Lebih kurang seratus tahun berikutnya semenjak dibangunkan Sungai Carang sebagai pusat pentadbiran kerajaan, tepatnya dalam tahun 1778, Raja Haji yang kala itu menjabat Yang Dipertuan Muda IV Kerajaan Riau-Lingga-Johor-Pahang mendirikan bandar lagi di Pulau Biram Dewa yang terletak di seberang Sungai Riau. Bandar baru itu dijadikan tempat kedudukan Yang Dipertuan Muda. Bandar yang baru itu dikenal juga dengan nama Kota Baru atau Kota Piring. Dalam pada itu, sultan yang kala itu dijabat oleh Yang Dipertuan Besar Sultan Mahmud Ri'ayat Shah berkedudukan di Kota Lama, Hulu Riau, iaitu di Pulau Galang Besar.³ Tempat yang dibangunkan istana Yang Dipertuan Besar itu memang menjadi tapak kerajaan yang mula-mula sekali, iaitu ketika pusat pentadbiran kesultanan dipindahkan daripada Johor Lama ke Hulu Riau di Pulau Bintan.

³Kesemua tempat yang diperikan itu berada di dalam kawasan Kota Tanjungpinang (di Pulau Bintan) sekarang.

Raja Ahmad Engku Haji Tua dan anakanda beliau Raja Ali Haji di dalam karya mereka *Tuhfat al-Nafis* bertutur tentang peristiwa bersejarah itu.

"...maka Yang Dipertuan Muda pun membuat istana di Pulau Malam [Biram, pen.] Dewa serta dengan kotanya yang indah-indah yang bertatah dengan pinggan dan piring sangatlah indah perbuatannya, dan satu pula balai dindingnya cermin. Adalah tiang balai itu bersalut dengan kaki pahar tembaga dan kota itu sebelah atasnya berkisi-kisikan bocong. Adapun kota itu apabila kena matahari memancar-mancar cahayanya. Kemudian memperbuat pula satu istana lagi di Sungai Galang Besar sangat juga indah-indah perbuatannya, iaitu istana paduka anakanda baginda itu Sultan Mahmud.⁴ Dan perhiasan istana Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda itu daripada emas dan perak hingga rantai-rantai setolobnya dengan rantai perak jua, dan seperti talam dan ceper kebanyakan diperbuat di negeri China, dan seperti tepak dan balang air mawar daripada emas dan perak diperbuat di negeri Benila yang berkarang dan bertatahkan intan dan yang berserodi. Dan adapun pinggan mangkuk dan cawan kahwa dan teh kebanyakan diperbuat di negeri China serta tersurat dengan air emas pada pantat cawan itu tersebut Pulau Malam Dewa. Adalah cawan itu hingga sampai kepada anak cucunya, iaitu sah dengan nyatanya."

(Matheson, 1982:196-197).

Kota yang dibangunkan oleh Raja Haji Fisabilillah sebagai tempat kedudukan beliau sebagai Yang Dipertuan Muda IV Kerajaan Riau-Lingga-Johor-Pahang itulah yang dikenal dengan nama Kota Piring. Disebut demikian kerana pagar tembok istananya terbuat daripada pinggan dan piring yang sangat indah. Dengan mencermati pemerian (deskripsi) Raja Ahmad Engku Haji Tua dan Raja Ali Haji tentang betapa megahnya istana Kota Piring itu, maka bolehlah kita maklumi pula betapa makmurnya Kesultanan Riau-Lingga-Johor-Pahang kala itu.

⁴Sultan Mahmud Ri'ayat Shah adalah anak saudara Raja Haji Fisabilillah kerana ibunya Sultan adalah Tengku Putih ibni Opu Daeng Cellak, iaitu saudara perempuan Raja Haji.

Dalam tahun 1778 perdagangan di Kesultanan Riau-Lingga-Johor-Pahang semakin maju pesat. Dengan sendirinya, rakyat hidup sejahtera dan negara menjadi makmur. Kegiatan kehidupan beragama Islam pun berkembang dengan baik. Rakyat dan kerajaan betul-betul mengejar kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat seperti yang diajarkan oleh syariat Rasulullah S.A.W. Keperluan hidup di dunia dipenuhi dan pada saat yang sama bekal untuk kehidupan akhirat terus ditambah dari sehari ke sehari.

Setahun kemudian, pada tahun 1779, lahirlah putera Raja Haji yang diberi nama Raja Ahmad ibni Raja Haji. Putera Yang Dipertuan Muda IV Riau-Lingga-Johor-Pahang itu nanti memainkan peranan yang sangat penting bagi perkembangan tradisi intelektual dan persuratan di Kesultanan Riau-Lingga. Berawal daripada beliaulah, dunia persuratan di kawasan ini tumbuh merecup dengan subur dan sangat membanggakan kita hingga hari ini.

Selain daripada Raja Ahmad – setelah naik haji beliau dikenal dengan nama Raja Ahmad Engku Haji Tua – dan anak-anaknya yang lain, Raja Haji, yang setelah wafat kerana perjuangannya yang heroik menentang penjajah diberi gelaran fisabilillah, memiliki seorang puteri yang bernama Raja Hamidah. Perempuan hebat itu kemudian biasa disapa Engku Puteri Raja Hamidah. Setelah sampai jodohnya, beliau disunting oleh Sultan Mahmud Marhum Besar atau Marhum Mesjid atau Sultan Mahmud Ri'ayat Shah, Yang Dipertuan Besar Riau-Lingga-Johor-Pahang. Mas kahwinnya sangat istimewa, iaitu sebuah pulau kecil di depan Tanjungpinang, yang kelak menjadi pusat pembinaan dan pengembangan tamadun Melayu, yang seri kegemilangannya memancarkan cahaya sampai jauh, ke sekutah-kutah Nusantara. Itulah keistimewaan Pulau Penyengat Indera Sakti, Pulau Mas Kahwin untuk Engku Puteri Raja Hamidah ibni Raja Haji Fisabilillah daripada suaminya Sultan Mahmud Ri'ayat Shah.

Dalam tahun 1803 Pulau Penyengat Indera Sakti mulai dibuka bagi tempat kediaman Engku Puteri Raja Hamidah. Dua tahun kemudian, 1805, Raja Jaafar ibni Raja Haji Fisabilillah, saudara kandung Raja Hamidah, ditabalkan menjadi Yang Dipertuan Muda VI Kesultanan Riau-Lingga-Johor-Pahang. Oleh beliau, semenjak itu pusat pentadbiran Yang Dipertuan Muda dipindahkan daripada Kota Piring, Pulau Biram Dewa, ke Pulau Penyengat Indera Sakti. Di pulau kecil tetapi ternama

itulah sampai seterusnya pentadbiran Kerajaan Melayu di bawah kuasa Yang Dipertuan Muda diselenggarakan. Di pulau itu pula para intelektual Kerajaan Riau-Lingga mendirikan "taman para penulis" untuk memelihara warisan yang agung. Dan, daripada pulau itulah sinar gemala mestika alam memancarkan cahayanya ke relung-relung hati yang tidak buta untuk membangun, membina, dan mengembangkan tamadun Melayu-Islam yang terala (luhur) lagi ranggi.

Malang tidak dapat ditolak, untung pun tidak dapat diraih. Dengan peristiwa *Perjanjian London (The Treaty of London atau Traktaat London)*, 1824, Kesultanan Riau-Lingga-Johor-Pahang dipecah menjadi dua bahagian oleh kuasa kolonial Belanda dan Inggeris. Kawasan Riau-Lingga (kawasan Indonesia sekarang) berada di bawah pengawasan Belanda, sedangkan Johor, Singapura, Pahang, dan Terengganu (kawasan Malaysia sekarang) berada di bawah penjagaan Inggeris. Semenjak itu pula terpisahlah bangsa Melayu yang mulanya berada di bawah satu payung panji Kesultanan Melayu yang besar dan jaya ke dalam dua negara yang berbeza, bahkan tiga negara setelah Singapura memisahkan diri daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965.

Hari-hari setelah Perjanjian London itu harus dijalani oleh bangsa yang secara genealogis dan sosio-kultural itu sesungguhnya bersaudara dengan sampan sejarah yang berbeza walau taman tempat bercengkeramanya tetaplah sama: Selat Melaka dan Laut China Selatan yang amat terkenal itu. Tatkala nafsu politik dan ekonomi terus dan terus berupaya untuk memecahkan keutuhan sesama manusia dan kemanusiaannya yang diterajui oleh bangsa Barat kemudian Jepun, alam jualah – dalam hal ini laut – tidak pernah sampai hati memutus tali silaturrahim orang-orang yang bersaudara. Laksana hamba yang perkasa lagi setia, Selat Melaka dan Laut China Selatan daripada dahulu hingga sekarang tetap mengukuhkan persebatian puak yang bertalian darah yang hidup di sekitarnya. Kalau berani diakui, kearifan alam justeru jauh lebih memukau, lebih berdelau, dari kecerdasan manusia, yang bahkan konon mengaku paling beradab sekalipun.

Percampuran Melayu dan Bugis

Para perantau Bugis mulai berperanan di kawasan Kesultanan Riau-Lingga-Johor-Pahang dan kawasan-kawasan yang lain di sekelilingnya

sekitar akhir kurun ke-17. Kala itu banyak orang Bugis bermigrasi daripada tanah kelahiran mereka di Sulawesi Selatan ke kawasan-kawasan Melayu di sepanjang Selat Melaka dan Laut Cina Selatan.

Di antara orang-orang Bugis yang berpindah itu adalah keluarga bangsawan Bugis Opu Tentriborong Daeng Rilaka atau Rilekke dengan lima puteranya: Opu Daeng Parani, Opu Daeng Manambun, Opu Daeng Marewah, Opu Daeng Cellak, dan Opu Daeng Kemasi atau Kemase. Bangsawan Bugis itu mula-mula tiba di kawasan Kesultanan Riau-Johor, iaitu di Negeri Siantan (sekarang wilayah Kabupaten Anambas, Provinsi Kepulauan Riau) di Laut Cina Selatan. Walaupun demikian, sebelum itu memang telah ada para perantau Bugis yang tiba di kerajaan-kerajaan Melayu semenjak Kesultanan Melaka lagi. Kala itu mereka datang untuk berniaga. Mengikuti Francis Light, orang Bugis dikenal sebagai peniaga yang handal.

"Mereka adalah para saudagar yang paling terkenal di pulau-pulau sebelah timur. Dagangan mereka bernilai tinggi, sama ada emas bungkah atau barang dagangan, bersama-sama dengan beberapa banyak candu dan kain baju yang dieksportkannya menjadikan kedatangan mereka sangat diharapkan oleh semua ahli pedagang."

(H.P. Clodd dalam H.M. Daud Kadir dkk., 2008:86).

Setelah masa Kesultanan Melaka, ada pelbagai penyebab orang Bugis berpindah daripada kampung halaman mereka di Sulawesi Selatan ke kawasan-kawasan di sepanjang Selat Melaka. Di antara penyebab terbesarnya adalah akibat Kerajaan Makassar (Gawo-Tallo) kalah berperang melawan VOC Belanda yang diakhiri dengan Perjanjian Bungaya pada tahun 1667. Mengikuti Kuchita et al. dalam H.M. Daud Kadir dkk. (2008:87), perpindahan orang Bugis dalam tahun 1666 yang dipimpin oleh Daeng Saleh meliputi 27 buah perahu. Mereka singgah di Temasek, lalu pergi ke Limbongan Cermin, di kawasan pedalaman bandar Maharani (Muar). Dari Muar mereka dipanggil oleh Daeng Hitam yang tinggal di Ulu Langat (Selangor). Dalam perjalanan ke Selangor, perahu mereka diserang angin ribut. Akhirnya, Daeng Saleh dan kumpulannya tiba di Teluk Mas (Ketapang, Melaka sekarang) dan mereka menetap di sana. Mengikuti Joginder

Singh Jessy pula, dalam 1681 telah ada permukiman orang-orang Bugis di sekitar Sungai Kelang dan Sungai Johor (Haji Ahmad bin Haji Saleh, 1980). Bahkan, Opu Daeng Parani adik-beradik ikut menolong membangunkan permukiman itu.

Akan halnya Opu Tentriborong Daeng Rilaka dan putera-puteranya, sesampainya di kawasan Kesultanan Riau-Lingga-Johor-Pahang, kerajaan itu sedang berada dalam keadaan ketidakstabilan politik dan pentadbiran. Berawal daripada mangkatnya Sultan Mahmud Shah II pada September 1699 yang dibunuh oleh Laksamana Megat Seri Rama ketika sedang dijulang dalam perjalanan ke masjid akan menunaikan solat Jumaat. Peristiwa itu dikenal sebagai tragedi seulas nangka. Sultan Mahmud Marhum Mangkat Dijulang mangkat dalam keadaan tidak ada anak.

Kerana Sultan tidak memiliki anak, Bendahara Abdul Jalil ditabalkan menjadi Sultan ke-11 Johor-Pahang-Riau-Lingga menggantikan Sultan Mahmud II dengan gelar Sultan Abdul Jalil Ri'ayat Shah (1699-1717). Dalam pada itu, datanglah Raja Kecil daripada Kerajaan Pagaruyung, Minangkabau, mengaku dirinya sebagai putera Sultan Mahmud Mangkat Dijulang dan berasa berhak ke atas takhta Johor-Riau. Raja Kecil melanggar Johor dan dapat merebut Johor-Riau pada 21 Mac 1717. Dia diangkat menjadi Sultan Johor-Riau dan menggunakan gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah (1717-1722). Setelah berkuasa, Raja Kecil menurunkan pangkat Sultan Abdul Jalil Ri'ayat Shah ke kedudukan semula sebagai Bendahara Johor-Riau. Kemudian, Raja Kecil memindahkan semula pusat kerajaan ke Hulu Riau. Dia juga mengambil puteri Sultan Abdul Jalil, Tengku Kamariah, menjadi isterinya. Pada bulan November 1721, Sultan Abdul Jalil Ri'ayat Shah dibunuh di atas tikar sembahyang oleh para panglima suruhan Raja Kecil di Kuala Pahang, iaitu di Teluk Kandang.

Raja Ahmad Engku Haji Tua dan Raja Ali Haji menggambarkan pembunuhan terhadap Sultan Abdul Jalil Ri'ayat Shah sebagai berikut ini.

"...di dalam hal antara itu datanglah pula seorang suruhan Raja Kecil, bernama si Emas Raden, membawa surat kepada Laksamana Nakhoda Sekam. Maka tersebut di dalam surat itu, 'Janganlah Sultan Abdul Jalil dibawa ke Riau lagi, bunuhlah

sekali, kita tahukan matinya sahaja.'

Maka pada waktu Minangkabau mengamuk itu baginda Sultan Abdul Jalil, lagi di tikar sembahyangnya, baru lepas sembahyang subuh tengah membaca wirid. Maka panglima Minangkabau itupun naiklah, pada sangka juak-juak baginda itu panglima sengaja hendak mengadap baginda, maka tiadalah dihiraukannya. Maka seketika lagi ia pun naik lalu diparangnya hulu baginda. Maka baginda pun terkejut lalu disambar baginda pedang panglima itu, maka dapatlah pada tangan baginda. Maka mengamuklah baginda diparangnya panglima-panglima itu mati dibunuh oleh baginda. Maka baginda pun rebahlah lalu mangkat."

(Matheson, 1982:68-69).

Putera dan puteri Sultan Abdul Jalil sangat terkejut bercampur marah kerana pembunuhan terhadap ayahanda mereka. Berikut ini dituturkan oleh *Tuhfat al-Nafis* lagi.

"Adapun Tengku Tengah⁵ apabila ia mendengar ayahandanya sudah hilang (mangkat, meninggal dunia) itu, maka keluarlah ia dengan halaman ditetaknya pada Minangkabau yang tinggal-tinggal itu. Maka menjeritlah Laksamana Nakhoda Sekam..."

(Matheson, 1982:69).

Setelah peristiwa pembunuhan terhadap ayahanda mereka, Tengku Sulaiman adik-beradik menaruh dendam yang semakin membara terhadap Raja Kecil. Mereka, kemudian, meminta bantuan kepada para bangsawan Bugis lima beradik: Daeng Parani, Daeng Manambun, Daeng Marewah, Daeng Celak, dan Daeng Kemasi. Dengan bantuan anak-anak raja Bugis itu, Tengku Sulaiman dapat mengalahkan Raja Kecil, lalu dia berundur ke Siak dan mendirikan Kerajaan Siak.

⁵Tengku Tengah adalah puteri Sultan Abdul Jalil Ri'ayat Shah. Nama timangannya Tengku Erang. Beliau mula-mula yang dipinang oleh Raja Kecil untuk menjadi isterinya, tetapi kemudian Raja Kecil berubah hati kepada adindanya Tengku Kamariah. Sikap Raja Kecil itu telah menyebabkan Tengku Tengah sangat tersinggung dan menaruh dendam terhadap Raja Kecil kerana dianggapnya telah menghinanya.

Selepas mengalahkan Raja Kecil, dalam tahun 1722 Tengku Sulaiman – putera Sultan Abdul Jalil – ditabalkan menjadi Sultan Riau-Lingga-Johor-Pahang dengan gelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Sesuai dengan janjinya ketika meminta bantuan kepada anak-anak bangsawan Bugis, Sultan Sulaiman melantik putera bangsawan Bugis Daeng Marewah Kelana Jaya Putera, atas persetujuan saudara-saudaranya, menjadi Raja Muda atau Yang Dipertuan Muda I Riau-Lingga-Johor-Pahang. Yang Dipertuan Muda merupakan jawatan baru yang satu tingkat di bawah Sultan atau Yang Dipertuan Besar.

Setelah ditabalkan menjadi Yang Dipertuan Muda, Daeng Marewah mengucapkan sumpah setia yang dikenal dengan nama 'Sumpah Setia Bugis-Melayu' pada 4 Oktober 1722. Sumpah setia yang diucapkan oleh Opu Daeng Marewah Kelana Jaya Putera itu disuratkan di dalam *Tuhfat al-Nafis*:

"Yakinlah Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, akulah Yang Dipertuan Muda yang memerintahkan kerajaanmu. Barang yang tiada suka engkau membujur di hadapanmu aku lintangkan, dan barang yang tiada suka engkau melintang di hadapanmu aku bujurkan. Barang yang semak di hadapanmu aku cucikan."

(Matheson, 1982:85).

Dengan sumpah setia itu, perhubungan antara Melayu dan Bugis diibaratkan bagai mata putih dan mata hitam, yang tidak akan boleh berfungsi jika dipisahkan. Bersamaan dengan itu, bermulalah babak baru perhubungan Melayu dengan Bugis. Perhubungan itu dipereratkan lagi dengan pernikahan di antara mereka. Tengku Tengah (saudara Sultan Sulaiman) menikah dengan Opu Daeng Perani, Tengku Mandak (adik Sultan Sulaiman) menikah dengan Opu Daeng Cellak, Tun Cik Ayu puteri Temenggung Riau pula menikah dengan Yang Dipertuan Muda I Opu Daeng Marewah, dan sebagainya. Seterusnya, zuriat merekalah yang berhak atas jawatan Yang Dipertuan Muda Riau-Lingga-Johor-Pahang secara turun-temurun.

Selain itu, keturunan Yang Dipertuan Muda yang berasal daripada percampuran Melayu dan Bugis itu tidak lagi menggunakan gelar kebangsawanan Bugis (Daeng) atau gelar kebangsawanan Melayu (Tengku). Keturunan mereka menggunakan gelaran kebangsawanan

baru, yakni Raja, sebagaimana yang mulai digunakan oleh Raja Haji Fisabilillah, Yang Dipertuan Muda IV Riau-Lingga-Johor-Pahang (1777-1784) dan Raja Lumu Sultan Pertama Kerajaan Selangor. Raja Haji dan Raja Lumu adalah putera daripada Opu Daeng Celak ibni Opu Tentriborong Daeng Rilaka dan Tengku Mandak ibni Sultan Abdul Jalil Ri'ayat Shah. Sampai sekarang adat-istiadat bergelar itu berlaku di Kepulauan Riau: keturunan bangsawan asli Melayu yang tidak bercampur dengan bangsawan Bugis menggunakan gelar Tengku, bangsawan campuran Melayu dan Bugis menggunakan gelar Raja, dan keturunan bangsawan asli Bugis yang tidak bercampur dengan keturunan bangsawan Melayu menggunakan gelar Daeng atau Andi sebagaimana gelar mereka di Sulawesi Selatan. Zuriat mereka disebut keturunan Melayu-Bugis.

Di antara keturunan anak-anak Opu Tentriborong Daeng Rilaka itu, keturunan Opu Daeng Cellak dan Tengku Mandak ibni Sultan Abdul Jalil Ri'ayat Shah-lah yang paling banyak menjadi intelektual Kesultanan Riau-Lingga. Kesemuanya itu dimulai daripada Raja Ahmad Engku Haji Tua ibni Raja Haji Fisabilillah Yang Dipertuan Muda IV Riau-Lingga-Johor-Pahang (1777-1784) ibni Opu Daeng Cellak Yang Dipertuan Muda II Kesultanan Riau-Lingga-Johor-Pahang (1728-1745).

Dengan Kalam Memartabatkan Bangsa

Kerajaan Riau-Lingga semenjak separuh pertama kurun ke-19 hingga awal kurun ke-20, menjalankan kegiatan pengembangan ilmu pengetahuan dan budaya mengalir dengan subur. Di sini aktiviti intelektual, yang menjadi ciri khas tamadun Melayu semenjak zaman Kemaharajaan Sriwijaya, tumbuh merecup kembali. Tidak berlebihanlah apabila disebut bahawa pada kurun itu Kerajaan Riau-Lingga menjadi pusat tamadun Melayu-Islam, selepas jatuhnya Kerajaan Melaka. Di kalangan penulis keturunan Diraja Melayu-Bugis, kesemuanya itu dimulai daripada Raja Haji Ahmad ibni Raja Haji Fisabilillah.

Walaupun begitu, agaknya tuah anaknya, Raja Ali Haji, yang paling memacu dan memicu semangat berkarya dalam bidang persuratan. Di dalam mukadimah karyanya *Bustan al-Katibin* (1857) iaitu buku tentang nahu dan ejaan bahasa Melayu kita disajikan hidangan berharga berikut ini.

"Segala pekerjaan pedang itu boleh diperbuat dengan kalam, adapun pekerjaan kalam itu tiada boleh diperbuat oleh pedang... Dan, berapa ribu dan laksa pedang yang sudah terhunus, maka dengan segores kalam jadi tersarung."

Kalam yang berteraskan budilah yang mampu membuat beribu-ribu dan berlaksa-laksa pedang yang sudah terhunus jadi tersarung. Memang, ketika minda manusia sudah tercerahkan, dengan apa pun bentuk pengabdian hanya demi Sang Khalik, kehadiran pedang tidak lagi diperlukan. Hal itu mengingatkan kita akan wahyu pertama Allah S.W.T. kepada rasul pilihannya Muhammad S.A.W. yang terdapat dalam al-Quran, Surah Al-'Alaq, ayat 1-4:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝١ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝٢
اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝٣ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝٤

Ertinya:

"Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Mulia. Yang mengajari (manusia) dengan kalam."

Raja Ali Haji juga mengobarkan semangat mencipta dengan menggunakan kalam melalui syair Parsi yang dikutipnya dalam buku yang disebutkan di atas, "Berkata kalam, aku ini raja (yang) memerintah akan dunia. Barang siapa yang mengambil akan daku dengan tangannya, tak dapat tiada aku sampaikan juga (dia) kepada kerajaan(nya)."

Tidak hairanlah kita mengapa pekerjaan di bidang persuratan sangat dimuliakan di lingkungan istana Kerajaan Riau-Lingga. Para pembesar istana berasa hidup mereka belumlah lengkap walau telah menjawat suatu jawatan tinggi sebelum mereka menghasilkan karya tulis, entah karya sastera ataupun bukan. Begitulah pekerjaan mengarang menjadi begitu mulia dan diidam-idamkan oleh setiap orang. Kepengarangan menjadikannya bagaikan tali arus yang terus bergerak, walaupun kadang-kadang begitu deras dan pada ketika

yang lain agak tenang, untuk mengantarkan suatu capaian tamadun yang cemerlang, gemilang, dan terbilang.

Sebetulnya, dunia persuratan Melayu di Kesultanan Riau-Lingga telah dimulai oleh Bilal Abu atau biasa juga disapa Lebai Abu. Beliau bukanlah keturunan bangsawan ataupun Melayu-Bugis, tetapi Melayu asli. Beliaulah yang mengawali kehebatan kalam. Beliau sekurang-kurangnya menulis dua buah karya sastera. Karya-karya beliau itu adalah *Syair Siti Zawiyah* dan *Syair Haris*. Kedua syair ini selesai ditulis dalam 1820.

Kemudian, barulah bermula kepengarangan Raja Ahmad. Setelah dewasa, berkeluarga, dan menunaikan ibadah haji; Raja Ahmad dikenal dengan nama lengkap Raja Ahmad Engku Haji Tua ibni Raja Haji Fisabilillah Yang Dipertuan Muda IV Kesultanan Riau-Lingga-Johor-Pahang Marhum Teluk Ketapang, Melaka. Setakat ini diketahui beliau adalah orang yang pertama dalam kalangan Diraja Melayu-Bugis yang menceburkan diri dalam dunia persuratan di Kesultanan Riau-Lingga, selain daripada jawatan beliau sebagai penasihat kerajaan dan ulama.

Dalam karier beliau sebagai pengarang, Raja Haji Ahmad Engku Haji Tua telah menulis tiga buah buku sastera: (1) *Syair Engku Puteri* (1835), (2) *Syair Perang Johor*, dan (3) *Syair Raksi*. Beliau juga mengerjakan kerangka awal buku yang sangat terkenal *Tuhfat al-Nafis* yang kemudian disempurnakan dan diselesaikan oleh anaknya, Raja Ali Haji.

Raja Ali Haji (1809-1873), putera Raja Ahmad Engku Haji Tua, meneruskan jalan yang telah dirintis oleh Bilal Abu dan ayahandanya. Beliau kemudian tampil sebagai cendekiawan paling masyhur dan paling cemerlang di antara intelektual Kesultanan Riau-Lingga kala itu. Beliau menulis dua buah buku dalam bidang bahasa (Melayu). Hasil karyanya yang lain dalam bidang hukum yang bercampur dengan pentadbiran dan politik, bidang falsafah yang bercampur dengan puisi, bidang sastera (puisi), bidang agama, dan sejarah. Sepanjang yang dapat diketahui, senarai karya beliau sebagai berikut:

- (1) *Syair Abdul Muluk*, 1846
- (2) *Gurindam Dua Belas*, 1846/1847
- (3) *Bustan al-Katibin*, 1850
- (4) *Syair Warnasarie*, (?)

- (5) *Muqaddimah fi Intizam*, 1857
- (6) *Tsamarat al-Muhimmah*, 1858
- (7) *Ikat-Ikatan Dua Belas Puji*, 1858
- (8) *Kitab Pengetahuan Bahasa*, iaitu *Kamus Loghat Melayu Johor-Pahang-Riau-Lingga*, 1858/1859
- (9) *Salasilah Melayu dan Bugis*, 1865
- (10) *Tuhfat al-Nafis*, 1865
- (11) *Syair Hukum Nikah* atau *Suluh Pegawai*, 1866
- (12) *Syair Siti Shianah*, 1866
- (13) *Syair Awai*
- (14) *Taman Permata*, (?)
- (15) *Syair Sinar Gemala Mastika Alam*, 1895
- (16) *Peringatan Sejarah Negeri Johor*, (?)
- (17) *Sejarah Riau Lingga dan Daerah Takluknya*, (?)

Pada hari Sabtu, 29 April 2000, Presiden Republik Indonesia kala itu, Haji Abdurrahman Wahid membuka Temu Akbar I Thariqat Mu'tabarrah Se-Sumatera, di Masjid Agung Annur, Pekanbaru, Provinsi Riau, Indonesia. Dalam pidatonya beliau menegaskan pengakuan Pemerintah Republik Indonesia akan jasa Raja Ali Haji dalam mempersatukan bangsa dan menciptakan bahasa nasional. "Tanpa jasa beliau itu, kita belum tentu menjadi bangsa yang kokoh seperti sekarang ini," kata Gus Dur kala itu.

Raja Ali Haji, kerana segala jasanya, memang memperoleh gelaran Pahlawan Nasional dan Bapak Bahasa Indonesia. Dengan demikian, beliau mengikuti jejak datuknya Raja Haji Fisabilillah yang juga dianugerahi gelaran Pahlawan Nasional. Bezanya, datuknya melakukan perjuangan fisik dengan pedang melawan Belanda hingga syahid di medan perang, bahkan di sarang musuh di Teluk Ketapang, Melaka, sedangkan beliau berjuang dengan kalam melalui perjuangan kebudayaan seperti keyakinan yang ditanamkannya selama ini.

Penulis sezaman dengan Raja Ali Haji yang juga sangat dikenal ialah Haji Ibrahim Datuk Kaya Muda Riau. Beliau juga keturunan Melayu-Bugis, tetapi bukan daripada kalangan bangsawan. Daripada penulis ini, Kepulauan Riau mewarisi paling tidak lima buah buku. Karyanya *Cakap-Cakap Rampai-Rampai Bahasa Melayu-Johor* (dua jilid; penerbitan pertama 1868 dan kedua 1875, yang diterbitkan di

Batavia atau Jakarta sekarang) dapat menempatkannya sebagai pelopor penulisan naskah drama di Indonesia. Karya-karyanya yang lain ialah *Perhimpunan Pantun-Pantun Melayu*, *Hikayat Raja Damsyik*, *Syair Raja Damsyik*, dan *Cerita Pak Belalang* dan *Lebai Malang*.

Di antara pengarang itu ada juga nama Raja Saliha. Beliau adalah saudara kandung Raja Ali Haji dan dipercayai mengarang *Syair Abdul Muluk* bersama Raja Ali Haji. Penulis yang lain adalah Raja Haji Daud, saudara seayah Raja Ali Haji. Beliau menulis dua buku: *Asal Ilmu Tabib* dan *Syair Peperangan Pangeran Syarif Hasyim*. Raja Haji Daud memang seorang tabib yang mula-mula di Kesultanan Riau-Lingga.

Raja Ali dan Raja Abdullah, selain dikenal sebagai Yang Dipertuan Muda Riau-Lingga, keduanya juga adalah penulis. Raja Ali menulis (1) *Hikayat Negeri Johor* dan (2) *Syair Nasihat*. Akan halnya Raja Abdullah pula beliau menghasilkan karya (1) *Syair Madi*, (2) *Syair Kahar Masyhur*, (3) *Syair Syarkan*, dan (4) *Syair Encik Dosman*. Raja Ali dan Raja Abdullah adalah sepupu Raja Ali Haji.

Raja Hasan, anak laki-laki Raja Ali Haji, diketahui menulis sebuah syair. *Syair Burung* nama gubahannya itu. Raja Safiah mengarang *Syair Kumbang Mengindera* dan saudaranya Raja Kalsum menulis *Syair Saudagar Bodoh*. Kedua-dua penulis perempuan itu adalah puteri Raja Ali Haji.

Raja Haji Muhammad Tahir sehari-hari dikenal sebagai hakim. Walaupun begitu, beliau juga menghasilkan karya sastera dalam bentuk syair, iaitu *Syair Pintu Hantu*. Raja Haji Ahmad Tabib menulis lima buah buku. Kelima buku tersebut adalah (1) *Syair Nasihat Pengajaran Memelihara Diri*, (2) *Syair Raksi Macam Baru*, (3) *Syair Tuntutan Kelakuan*, (4) *Syair Dalail al-Ihsan*, dan (5) *Syair Perkahwinan di Pulau Penyengat*.

Pengarang berikutnya adalah Raja Umar ibni Raja Hasan. Beliau adalah cucu Raja Ali Haji. Raja Umar menulis buku *Ibu di Dalam Rumah Tangga*. Khalid Hitam atau nama sebenarnya Raja Khalid ibni Raja Hasan, selain aktif dalam kegiatan politik, juga dikenal sebagai pengarang. Karya cucu Raja Ali Haji ini adalah (1) *Syair Perjalanan Sultan Lingga dan Yang Dipertuan Muda Riau Pergi ke Singapura*, (2) *Peri Keindahan Istana Sultan Johor yang Amat Elok*, dan (3) *Tsamarat al-Matlub Fi Anuar al-Qulub*.

Abu Muhammad Adnan atau nama sebenarnya Raja Abdullah ibni

Raja Hasan ibni Raja Ali Haji menghasilkan karya asli dan terjemahan. Karyanya dalam bidang bahasa adalah *Kitab Pelajaran Bahasa Melayu* dengan rangkaian *Penolong Bagi yang Menuntut Akan Pengetahuan yang Patut*, *Pembuka Lidah dengan Tauladan Umpama yang Mudah*, *Rencana Madah pada Mengenal Diri yang Indah*. Selain itu, beliau juga menulis *Hikayat Tanah Suci*, *Kutipan Mutiara*, *Syair Syahinsyah*, *Ghayat al-Muna*, dan *Seribu Satu Hari*.

Penulis berikutnya adalah Raja Ali Kelana ibni Raja Muhammad Yusuf Ahmadi Yang Dipertuan Besar X Kesultanan Riau-Lingga ibni Raja Ali ibni Raja Jaafar. Beliau menghasilkan karya dalam bidang bahasa, iaitu *Bughiat al-Ani Fi Huruf al-Ma'ani*. Karya beliau yang lain adalah *Pohon Perhimpunan*, *Perhimpunan Pelakat*, *Rencana Madah*, *Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*, dan *Percakapan Si Bakhil*.

Daeng Wuh juga menyempurnakan senarai pengarang pada masa Kesultanan Riau-Lingga. Beliau menulis *Syair Yahya*. Raja Haji Muhammad Said dikenal sebagai penterjemah. Karya terjemahannya (1) *Gubahan Permata Mutiara* (terjemahan karya Ja'far al-Barzani) dan (2) *Simpulan Islam* (terjemahan karya Syaikh Ibrahim Mashiri).

Raja Abdul Muthalib ibni Raja Abdul Hamid ibni Raja Ahmad Engku Haji Tua, nama pengarang berikutnya, menghasilkan dua buah karya. Kedua-kedua karya beliau itu adalah *Tazkiratul Ikhtisar* dan *Ilmu Firasat Orang Melayu*.

Penulis lain adalah Raja Badriah binti Raja Muhammad Tahir ibni Raja Abdullah ibni Raja Jaafar. Beliau memusatkan perhatian dalam bidang penterjemahan. Karya terjemahannya adalah *Adab al-Fatat*, iaitu terjemahan daripada karya Ali Afandi Fikri.

Penulis generasi cucu Raja Ali Haji yang paling cemerlang adalah Raja Aisyah binti Raja Sulaiman ibni Raja Ali Haji atau lebih dikenal dengan Aisyah Sulaiman sahaja. Beliau menulis (1) *Syair Khadamuddin* (diterbitkan dalam 1345 H. atau 1926 M.), (2) *Syair Seligi Tajam Bertimbang*, (3) *Syamsul Anwar*, dan (4) *Hikayat Shariful Akhtar* (diterbitkan setelah penulisnya meninggal dunia, iaitu dalam 1929 M.). Karya-karya beliau tidak hanya menempatkannya sebagai pejuang emansipasi perempuan, tetapi juga pelopor kesusasteraan Melayu-Indonesia moden.

Setelah masa Aisyah Sulaiman, aktiviti dan kreativiti intelektual di Kepulauan Riau tiba-tiba terhenti. Baru sekitar 40 tahun kemudian

muncul penulis prolific yang juga intelektual Raja Haji Hasan ibni Raja Haji Muhammad Junus ibni Raja Haji Ahmad ibni Raja Haji Umar alias Raja Endut ibni Raja Haji Ahmad Engku Haji Tua ibni Raja Haji Fisabilillah, Yang Dipertuan Muda IV Kerajaan Riau-Lingga-Johor-Pahang. Beliau lebih dikenal dengan nama tanpa gelaran kebangsawanan, iaitu Hasan Junus (1941-2012).

Kesetiaannya menekuni bidang persuratan Melayu menjadikan Hasan Junus bukan sekadar penulis. Namanya tidak hanya dikenali di Kepulauan Riau dan Riau, tetapi juga dikagumi di persada Nusantara, bahkan sampai ke luar negara. Karya cerpennya *Pengantin Boneka*, misalnya, diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Jeanette Lingard dan diterbitkan dalam *Diverse Lives-Contemporary Stories from Indonesia* oleh Oxford University Press (1995), sebuah agensi penerbit di dunia. Bukunya *Corak dan Ragi Tenun Melayu Riau* (Adicita, Yogyakarta, 2003) yang ditulis bersama Abdul Malik, Tenas Effendy, dan Auzar Thaher kini menjadi bacaan di Australia dan dikoleksi oleh National Library of Australia.

Selain itu, karya-karya beliau yang lain adalah *Jelaga* (1979), novelet dan naskhah drama *Burung Tiung Seri Gading* (1992), *Peta Sastra Daerah Riau* (1993), *Furu' al-Makmur dan Perhimpunan Plakat* (1996), *Dari Saudagar Bodoh dan Fakir yang Pintar Menuju Sastra yang Mendunia* (1997), *Tiada Bermimpi Lagi* (1998), *Sekuntum Mawar untuk Emily dan Lima Belas Cerita Lainnya* (1998), *Cakap-Cakap Rampai dan Pada Masa Ini Sukar Dicari* (1998), *Kematian yang Lain dan Cerita-Cerita Lain* (1999), *Mencari Junjungan Buih Sastra di Riau* (1999), *Novelet Pelangi Pagi* (1999), *Raja Haji Fisabilillah: Hannibal dari Riau* (2000), *Tiga Cerita Sandiwara Melayu* (2001), *Anak Badai Belajar dari Daun serta Kuntum Mawar Itu Bercerita*, *Cerita-Cerita Pusaka Kuantan Singingi* (2001), *Dari Percikan Kisah Membentuk Propinsi Riau* (2001), *Novelet Murai Malam*, *Warisan Riau*, *Raja Ali Haji: Budayawan di Gerbang Abad XX* (2002), *Karena Emas di Bunga Lautan*, *Engku Puteri Raja Hamidah*, *Kepulauan Riau: Cagar Budaya Melayu* (Unri Press, Pekanbaru, 2003) bersama Abdul Malik dan Auzar Thaher, dan masih banyak karya beliau yang lain.

Selain menulis buku, Hasan Junus juga menulis esei di pelbagai suratkhbar dan majalah. Beliau juga adalah pengasuh *Majalah Budaya Sagang* yang terbit di Pekanbaru, Provinsi Riau. Selain itu,

beliau juga menjadi penulis tetap kolum sastera dan budaya "Rampai" di Suratkhbar Riau Pos setiap Ahad. Lebih daripada itu, Hasan Junus senantiasanya membuka dirinya untuk menjadi tempat bertanya dan berdiskusi tentang sastera dan budaya serta menjadi motivator, khususnya bagi para penulis muda, semasa hidupnya.

Setelah masa Hasan Junus, dunia persuratan Melayu terus dilanjutkan oleh generasi berikutnya. Sehingga kini, persuratan Melayu terus berkembang di Kepulauan Riau berkat perkhidmatan para intelektual dan penulis yang muncul kemudian.

Pohon Perhimpunan Cendekiawan

Bagi mengoptimalkan kreativiti intelektual dan kultural mereka, para cendekiawan, sasterawan, dan budayawan Melayu-Bugis di Kesultanan Riau-Lingga mendirikan pula Rusydiah Kelab dalam 1885. Kelab itu merupakan perkumpulan intelektual Riau-Lingga, tempat mereka membahar pelbagai hal yang berkaitan dengan hal-ehwal pekerjaan mereka, baik sebagai pengarang, intelektual, mahupun politisi. Tokoh-tokohnya berwawasan dunia seperti yang dapat disemak daripada karya yang mereka hasilkan. Di antara mereka itu adalah Tengku Besar (calon sultan) Tengku Umar ibni Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah, Raja Ali Kelana, Khalid Hitam, dan Sayid Syekh Al-Hadi Wan Anom. Raja Ali Kelana, bahkan, bertindak sebagai penyedia kewangan kelab tersebut.

Dunia persuratan tidak akan berkembang tanpa percetakan. Oleh itu, kerajaan mendirikan percetakan (1) Rumah Cap Kerajaan di Lingga, (2) Mathba'at Al-Riauwyah di Pulau Penyengat, dan (3) Al-Ahmadiyah Press di Singapura. Dengan adanya ketiga-tiga percetakan itu, karya-karya intelektual Riau-Lingga itu dapat dicetak dengan baik, yang seterusnya boleh disebarluaskan ke seluruh Nusantara.

Rusydiah Kelab juga menjadi penaja penerbitan majalah. Segala perkembangan dunia kala itu dituangkan dalam majalah *Al-Imam*, nama majalah yang diterbitkan oleh persatuan intelektual itu, yang tidak salah juga kalau disebut sebagai pelopor persatuan Indonesia pra kemerdekaan Indonesia. Pasal, anggota Rusydiah Kelab berasal daripada pelbagai daerah di Nusantara, yang pastinya perjuangan mereka menentang penjajah membuat Pemerintah Hindia-Belanda

"makan tak sedap, tidur pun tak lena".

Yang juga menarik adalah untuk menyokong kegiatan intelektual dan kebudayaan yang ditekuni anggotanya, Rusydiah Kelab mendirikan syarikat perniagaan. Di Batam mereka mendirikan *Batam Brick Works* yang berniaga dalam produksi dan perniagaan batu bata. Selain itu, mereka juga mendirikan koperasi yang diberi nama Syarikat Dagang Al-Ahmadiyah yang bergerak dalam bidang perniagaan kopra (kelapa kering) di Pulau Midai, kawasan Pulau Tujuh di Laut China Selatan (sekarang masuk dalam kawasan Kabupaten Natuna, Kepulauan Riau). Koperasi yang didirikan itu merupakan koperasi pertama yang didirikan di Indonesia, sebelum merdeka lagi. Daripada koperasi itu pulalah dikembangkan percetakan Al-Ahmadiyah Press di Singapura.

Kalam Penutup

Daripada Kesultanan Riau-Lingga, Kepulauan Riau pada masa ini, bahkan Indonesia dan dunia Melayu amnya, telah mewarisi tradisi intelektual yang boleh dibanggakan. Dalam kancan persuratan Melayu, peranan intelektual Melayu-Bugis di kawasan itu sangat menonjol dan diperhitungkan. Raja Ali Haji, misalnya, telah dinobatkan sebagai Pahlawan Nasional dan Bapak Bahasa Indonesia. Generasi anak-cucu beliau pun tidak kurang pula peranannya dalam melanjutkan tradisi intelektual di kawasan ini hinggalah ke masa kini. Kecintaan mereka terhadap dunia persuratan Melayu telah memungkinkan tamadun Melayu tetap terjulung dan terus memancarkan sinar yang cemerlang. Memang, dunia persuratan menjadi salah satu faktor utama pemartabatan sesuatu bangsa sehingga keberadaan (eksistensi) bangsa itu senantiasanya terbilang dan tetap gemilang.

Rujukan

- Abdul Latiff Abu Bakar, 2010. "Kepulauan Riau sebagai Pusat Kebudayaan dan Tamadun Melayu," *Kertas kerja Seminar Bahasa Melayu sempena Konvensyen XI Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)*, Kota Batam, Kepulauan Riau, Indonesia, 10-11 November 2010.
- Abdul Malik (ed.), 2012. *Raja Ali Haji: Tsamarat al-Muhimmah*. Depok: Komodo Books.
- Abdul Malik dan Hasan Junus, 2000. "Studi tentang Himpunan Karya Raja Ali Haji". Pekanbaru: Badan Perencanaan Pembangunan Daerah, Propinsi Riau dan Pusat Penelitian Kebudayaan dan Kemasyarakatan, Universitas Riau.
- Abdul Malik et al. 2012. *Sejarah Kejuangan dan Kepahlawanan Sultan Mahmud Riayat Syah, Yang Dipertuan Besar Kerajaan Riau-Lingga-Johor-Pahang (1761-1812)*. Daik-Lingga: Pemerintah Kabupaten Lingga.
- Abdul Malik, Hasan Junus, dan Auzar Thaher, 2003. *Kepulauan Riau: Cagar Budaya Melayu*. Pekanbaru: Unri Press.
- Abdul Malik, 2008a. "Menelusuri Tempat Asal Bahasa Indonesia," *Makalah Seminar Tamadun Melayu Bersempena Peringatan 200 Tahun Raja Ali Haji*. Pulau Penyengat, Kota Tanjungpinang, Kepulauan Riau, Sabtu, 29 November 2008.
- Abdul Malik, 2008b. "Muqaddima Fi Intizam: Kepeloporan Raja Ali Haji dalam Bidang Ilmu Pemerintahan di Dunia Melayu," *Makalah Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)*, Melaka, Malaysia, 12 Disember 2008.
- Abdul Malik, 2009. *Memelihara Warisan yang Agung*. Yogyakarta: Akar Indonesia.

- Abdul Malik, 2012. *Menjemput Tuah Menjunjung Marwah*. Depok: Komodo Books.
- Abu Hassan Sham, 1987. "Karya-Karya yang Berlatar belakangkan Islam dari Pengarang Melayu Riau-Johor sehingga Awal Abad Kedua Puluh," dalam Zahrah Ibrahim (ed.) *Tradisi Johor-Riau: Kertas Kerja Hari Sastera 1983*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Andaya, Barbara Watson dan Virginia Matheson, 1979. "Islamic Thought and Malay Traditions: the Writing of Raja Ali Haji of Riau", dalam Anthony Reid dan David Marr (Eds.), *Perceptions of the Past in Southeast Asia*. Hongkong: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Andaya, Barbara Watson, 1977. "From Rum to Tokyo: The Search for Anticolonial Allies by the Rulers of Riau, 1899-1944", *Indonesia*. Itacha: Corbell University.
- Faishal Shadik, 2008. "Politik Islam Melayu (Studi Pemikiran Raja Ali Haji 1808-1873)" dalam www.rajaalihaji.com, Ahad, 15 Dzulhijjah 1429, 14 Desember 2008.
- H.M. Daud Kadir dkk, 2007. *Sejarah Kebesaran Kesultanan Lingga-Riau*. Daik: Pemerintah Kabupaten Lingga.
- Hasan Junus, 2000. *Raja Haji Fisabilillah: Hannibal dari Riau*. Tanjungpinang: Hubungan Masyarakat Pemerintah Daerah Kepulauan Riau.
- Hasan Junus, 2002. *Raja Ali Haji: Budayawan di Gerbang Abad XX*. Pekanbaru: Unri Press.

Ibrahim Datuk Kaya Muda Riau, 2002. *Perhimpunan Pantun Melayu*. Diselenggarakan oleh Elmustian Rahman. Pekanbaru: Unri Press.

Jessy, Joginder Singh, 1980. *Sejarah Tanah Melayu*. Peny. Haji Ahmad bin Haji Saleh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Matheson, Virginia dan Barbara Watson Andaya, 1982. *The Precious Gift*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Matheson, Virginia, (ed.), 1982. *Tuhfat al-Nafis*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Matheson, Virginia, 1971. "The Tuhfat al-Nafis: Structure and Sources," *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Vol. 127/3, hlm. 375-392.

Matheson, Virginia, 1987. "Suasana Budaya Riau dalam Abad ke-19: Latar Belakang dan Pengaruh," dalam Zahrah Ibrahim (ed.) *Tradisi Johor-Riau: Kertas Kerja Hari Sastera 1983*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Netscher, Elisa, 1854. "De twaalf spreukgedichten. Een Maleisch gedicht door Radja Ali Hadji van Riouw, uitgegeven en van de vertaling en aantekeningen voorzien door E. Netscher," *Tijdschrift van het Bataviaasch Genootschap II*, hlm. 11-32.

Netscher, Elisa, 1854. "Beschrijving van een Gedeelte de Residentie Riouw," *Tijdschrift voor Indische Taal-, Land-en Volkenkunde*, Vol. 2, hlm. 108-270.

Netscher, Elisa, 1870. *De Nederlanders in Djohor en Siak*. Batavia: Bruining & Wijt.

Raja Ali Haji, 1846. *Gurindam Dua Belas*. Batavia.

_____, 1986/1987. *Kitab Pengetahuan Bahasa: Kamus Logat Melayu Johor, Pahang, Riau, dan Lingga*. Penyelenggara R. Hamzah Yunus. Pekanbaru: Bagian Proyek Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Melayu, Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Nusantara, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.

_____, 1988/1989. *Syair Abdul Muluk*. Ditransliterasi dan dikaji oleh Sitti Syamsiar. Pekanbaru: Bagian Proyek Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Melayu, Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Nusantara, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.

_____, 2005. *Bustan al-Katibin*. Peny. Hashim bin Musa. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

_____, 2012. *Tsamarat al-Muhimmah*. Peny. Abdul Malik. Depok: Komodo Books.